



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

PERATURAN 38 (b)

**HANYA DIBUKAKAN BAGI PEMOHON DARIPADA KALANGAN
PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DI KEMENTERIAN / JABATAN DI MANA KEKOSONGAN
JAWATAN DIKLANKAN SAHAJA**

**PENGUASA PENJARA KANAN (P.11 / P.10)
JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 23 OGOS 2023
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 06 SEPTEMBER 2023
BILANGAN IKLAN: 2023/AUG/28**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Penjara**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



PENGUASA PENJARA KANAN
JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
P.11 (\$3,700 - \$4,225 EB KHAS \$4,330 - \$4,750 SEBULAN)
P.10 (\$2,965 - \$3,595 EB KHAS \$3,700 - \$4,120 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Kemasyarakatan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. a) **BAGI TANGGA GAJI P.11**

- i) Telah berkhidmat di Jabatan Penjara sebagai Penguasa Penjara Kanan dalam tangga gaji P.10 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- ii) Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam;
 - i. Peperiksaan Jabatan (jika ada);
 - ii. Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan; dan
 - iii. Peraturan-Peraturan Kewangan.
- iii) Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

- b) **BAGI TANGGA GAJI P.10**

- i) Telah berkhidmat di Jabatan Penjara sebagai Penguasa Penjara dalam tangga gaji P.9 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

BAGI TANGGA GAJI P.11

1. Penguasa Kanan Penjara selaku Timbalan Ketua Institusi (Timbalan Pegawai Yang Menjaga) adalah bertanggungjawab kepada Pengarah Penjara bagi pengurusan dan keselamatan yang betul mengenai satu-satu institusi penjara, pusat pemulihan dadah dan pusat pemulihan bahan-bahan yang mengkhayalkan. Bertanggungjawab penuh terhadap semua perkara yang berhubung dengan pentadbiran, penjagaan, keselamatan dan pemulihan serta layanan terhadap banduan / penghuni. Selain bertanggungjawab dan memastikan bahawa semua undang-undang, peraturan-peraturan, perintah-perintah dan arahan-arahan yang berhubung dengan penjara, banduan-banduan / penghuni-penghuni dan kakitangan adalah dipatuhi dengan betul dan semua rekod, akaun, dokumen dan surat-menyurat disimpan dan dipelihara dengan betul dan sempurna oleh pegawai bawahan;
2. Menjalankan tugas-tugas yang ditentukan dalam Akta dan Aturan-Aturan Penjara (Penggagal 51), Akta Penyalahgunaan Dadah (Penggagal 27), Akta Bahan-Bahan Yang Mengkhayalkan (Penggagal 161) dan Undang-Undang lain bertulis yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa;
3. Mengetuai dan menjalankan tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran di satu-satu Bahagian Utama Jabatan Penjara sebagaimana yang diatitkan oleh Pengarah Penjara dari semasa ke semasa;
4. Membantu Pengarah Penjara melaksanakan dasar, keputusan, perancangan pembangunan dan projek-projek di bahagian masing-masing;
5. Menyediakan dan menyusun tugas-tugas (*job description*) bagi semua pegawai dan kakitangan di bawah bahagiannya;
6. Mengadakan permuazakaran / perbincangan di kalangan pegawai dan kakitangan di bawahnya untuk mengenalpasti masalah atau cadangan yang berkaitan dengan bidang kuasa di bawah jagaannya bagi memperbaiki bahagiannya;
7. Menghadapkan laporan, masalah-masalah atau cadangan-cadangan, terutama yang melibatkan dasar dan pembaharuan kepada Pengarah Penjara atau bahagian-bahagian yang berkenaan;
8. Menyediakan *contingency plan* untuk menghadapi dan menyelesaikan krisis;



9. Merancang dan menentukan keperluan latihan / kursus pegawai-pegawai dan kakitangan di bahagian masing-masing; dan
10. Menjalankan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan oleh Pengarah Penjara atau pegawai-pegawai atasan yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa.

BAGI TANGGA GAJI P.10

1. Menjalankan tugas-tugas yang ditentukan dalam Akta dan Aturan-Aturan Penjara (Penggagal 51), Akta Penyalahgunaan Dadah (Penggagal 27), Akta Bahan-Bahan Yang Mengkhayalkan (Penggagal 161) dan Undang-Undang lain bertulis yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa;
2. Membantu Ketua Bahagian dalam menjalankan tugas-tugas pentadbiran;
3. Mengawasi dan menyelia pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah kawalan termasuk tata tertib dan prestasi;
4. Membantu menyediakan *job description* bagi pegawai dan kakitangan bawahan masing-masing;
5. Selaku ketua kepada *Action Team* di bawah jagaannya;
6. Membantu menyelesaikan masalah-masalah berbangkit dalam hal ehwal pentadbiran kepada Ketua Bahagian;
7. Mengadakan permuzakarah / perbincangan dengan pegawai dan kakitangan di bahagian masing-masing;
8. Mempastikan semua tugas harian dilaksanakan seperti yang diarahkan; dan
9. Menjalankan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan oleh Pengarah Penjara dan pegawai-pegawai atasan yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa.